

04 DEC 1997

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA RAJA BHUMIBOL

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengirim perutusan tahniah kepada Raja Bhumibol Adulyadej dan Permaisuri Sirikit sempena Hari Kebangsaan Thailand hari ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini hari ini, Seri Paduka Baginda berdua melahirkan keyakinan bahawa hubungan akrab dan persahabatan antara Malaysia dan Thailand dapat diperkukuhkan lagi demi kemakmuran, keamanan dan kestabilan.

Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Raja Bhumibol sempena Hari Keputeraan baginda.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Chuan Leekpai dengan menyatakan Malaysia menghargai persahabatannya dengan Thailand.

Beliau berharap kedua-dua negara akan terus bekerjasama dalam isu-isu dua hala dan Asean.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada Menteri Luar Thailand, Surin Pitsuwan. -- BERNAMA

MAM FAZ